

Pendidikan seks, HIV kursus baru PLKN

KUALA LUMPUR: Pendidikan seks dan bahaya ancaman HIV serta Aids adalah antara kursus baru yang akan didedahkan kepada peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mulai Ogos atau Oktober ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai PLKN sudah memberikan persetujuan supaya kursus itu dilaksanakan.

Beliau berkata, menerusi program pengurusan kemahiran kehidupan sendiri itu juga peserta PLKN akan didedahkan kepada pengetahuan dan penjelasan mengenai soal pendidikan seks, hubungan kekeluargaan dan persediaan menempuh alam dewasa serta cara melindungi diri.

“Pendedahan kepada semua aspek ini amat penting didedahkan kepada remaja pada peringkat

awal lagi.

“Ia akan disampaikan kepada peserta PLKN dalam slot 10 jam yang bakal dilaksanakan dalam tempoh antara tiga hari dan seminggu,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Larian Siemens 2008 di Wisma Persekutuan Orang Buta Malaysia (MAB) di sini, semalam.

Acara larian yang akan berlangsung pada 6 Julai itu dibahagikan kepada lapan kategori individu iaitu terbuka lelaki, terbuka wanita, terbuka lelaki veteran, wanita veteran, kanak-kanak dan kategori orang kurang upaya (OKU) selain satu kategori terbuka yang turut membabitkan penyertaan syarikat korporat.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai skuad pengintip dalam MCA yang didakwa memainkan peranan menjatuhkan seorang pemimpin parti itu sebelum ini, beliau berkata, kes itu diserahkan kepada jawatankuasa khas yang dibentuk untuk menyiasat kes itu.